

04/03/1997

2 jurukamera wajar dicontohi

KUALA LUMPUR, Isnin - Dua jurukamera Filem Negara yang terkorban dalam nahas pesawat Cessna di Langkawi semalam menunjukkan kegigihan dan kesungguhan ketika menjalankan tugas dalam keadaan berbahaya, kata Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Menurutnya, pengorbanan Ishak Latif, 35, dan Abdul Razak Mohd Nor, 43, wajar dijadikan contoh kerana sanggup mengetepikan bahaya demi menjalankan tugas.

"Mereka menunjukkan satu nilai yang amat tinggi, sanggup menjalankan tugas dalam keadaan yang mungkin berbahaya dan kematian mereka adalah kehilangan besar kepada Filem Negara," katanya selepas melancarkan program Kampungku Permai di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Kemalangan udara petang semalam itu mengorbankan juruterbang Nik Alfian Abdul Ghani, 26, serta Ishak dan Abdul Razak ketika kedua-dua jurukamera itu sedang membuat liputan dari udara peringkat akhir lumba basikal Le Tour de Langkawi '97.

Kemalangan itu berlaku di hutan paya bakau Kelibang, kira-kira lima kilometer dari Kuah iaitu 15 minit selepas perlumbaan itu dilepaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir pada jam 3.30 petang.

"Saya amat bersedih dan bersimpati dengan keluarga mereka. Saya amat menghargai jasa dan pengorbanan mereka terhadap tugas itu," katanya.

Sementara itu, Filem Negara menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyiasat dengan lebih terperinci nahas pesawat Cessna 172 yang mengorbankan dua jurukameranya dan seorang juruterbang itu.

Ketua Pengarahnya, Shaharoom Shahaban, berkata jawatankuasa khas itu akan meneliti semua aspek keselamatan jurukamera Ishak dan Abdul Razak ketika bertugas dan bantuan yang sepatutnya mereka terima mengikut skim yang ditetapkan.

Beliau berkata, jawatankuasa itu diketuai oleh Setiausaha Bahagian Pentadbiran, Kementerian Penerangan, Md Aminudin Abd Rahman bagi membantu menyiasat kes itu daripada semua aspek.

"Jawatankuasa itu juga akan meneliti dari segi pembayaran insuran kepada mangsa mengikut kontrak penyewaan kapal terbang terbabit dengan Mofaz," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Selain itu, katanya, jawatankuasa yang ditubuhkan itu akan membantu menguruskan pampasan dan bayaran lain yang sepatutnya diterima keluarga atau waris mangsa.

(END)